

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Malaysia dapat kepercayaan di segi pinjaman

KUALA LUMPUR, Isnin — Perdana Menteri bangga kerana Malaysia adalah antara negara di dunia yang terbaik dalam kemampuannya membayar balik pinjaman dari luar, di zaman kemelesetan ekonomi dunia sekarang.

Menurut Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, Malaysia jatuh di tempat ke-20 dan mengatasi beberapa negara besar yang tidak mampu membayar hutang mereka.

"Kedudukan negara kita amat membanggakan walaupun di belakang dua negara lain di rantau ini," katanya kepada para pemberita sekembalinya dari menghadiri Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Subang, petang ini.

Bellau berkata, sewaktu menemui pelabur-pelabur Amerika Syarikat yang menaruh minat untuk melabur di Malaysia, ramai tuan punya bank ingin menawarkan pinjaman mereka kepada Malaysia.

Ini, kata bellau, memberi gambaran bahawa mereka tidak bimbang tentang kemampuan Malaysia membayar balik pinjaman mereka.

"Saya berbangga kerana negara kita disanjung tinggi kerana mam-

pu membayar balik hutang-hutang," tambahnya lagi.

Perdana Menteri juga memberitahu, bellau singgah di London dalam perjalanan pulang ke tanahair.

"Saya berada di London selama dua hari untuk berehat dan tidak menemui pemimpin-pemimpin England," tambahnya.

Bagaimanapun, bellau menafikan enggan menemui Perdana Menteri, Puan Thatcher. "Keadaan dan masa tidak sesuai kerana kami masing-masing sibuk," jelasnya.

Bellau mengakui bahawa rakan sejawatnya dari England itu sepatutnya ditemui sewaktu makan tengah hari, Jumaat lalu.

"Waktu itu, saya sedang dalam perjalanan dan tiba di London pada sebelah malam. Dan Puan Thatcher pula sibuk dengan urusan negaranya," kata bellau lagi.

Bellau bagaimanapun bersedia menemui Perdana Menteri England itu di masa akan datang. "Bila-bila masa saja saya boleh bertemu, asalkan saya senang dan Puan Thatcher pun senang," jelasnya.

Datuk Seri Dr. Mahathir juga memberitahu, bellau kini sibuk dengan urusan negara. "Saya akan ke Fiji tidak lama lagi, selepas itu ke Jepun pula," tambahnya.